

**NO. SOALAN : 11**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG [ LAWAS ]**

**TARIKH : 19 MAC 2015 (KHAMIS)**

**DATO' HENRY SUM AGONG [ LAWAS ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan proses pemilihan bagi membekalkan barang bersubsidi khususnya pembekal tempatan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Proses pemilihan bagi membekalkan barang bersubsidi khususnya pembekal tempatan adalah seperti garis panduan di bawah:

Garis panduan asas perlantikan *transporters*:

- i) *Transporter* yang dipilih adalah *transporter* tempatan yang mahir dengan selok-belok kawasan pengedaran;
- ii) *Transporter* yang dilantik perlu mempunyai kemudahan logistik (pengangkutan yang bersesuaian mengikut keadaan kawasan pengedaran, stor penyimpanan) dan tenaga kerja yang mencukupi untuk melaksanakan projek ini;
- iii) Syarikat adalah diwajibkan untuk membuat lawatan sendiri ke semua *Point of Sales* (POS) untuk mendapatkan gambaran sebenar kawasan pengedaran; dan
- iv) *Transporter* telah mengenalpasti peruncit *Point of Sales* (POS) sedia ada yang berpotensi menyertai projek dan mempunyai lesen runcit barang kawalan.